

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

8. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menyokong kugiran atau "*busker*" tempatan untuk mengadakan lebih banyak konsert seperti *IndiePG* baru-baru ini di *Performing Arts Centre of Penang (PenangPAC)* pada 23 Jun 2018?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa aktiviti kugiran atau *busker* mempunyai kumpulan peminat tersendiri dan berupaya menjadi tarikan pelancong ke Pulau Pinang di samping menarik minat masyarakat tempatan menceburi bidang seni muzik. Pada Disember 2014, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pihak swasta bagi penganjuran program *Penang Busking Carnival 1.0* melalui program *Occupy Beach Street* di Lebuh Pantai, Pulau Pinang. Bagi tahun-tahun seterusnya, aktiviti *busker* telah menjadi salah satu acara dalam program *Occupy Beach Street* yang diadakan pada setiap hari Ahad di Lebuh Pantai. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan khusus untuk mengadakan program atau konsert untuk kugiran atau *busker* dan mengalu-alukan cadangan bagi program seumpama ini.